



KOLEJ PROFESIONAL MARA INDERA MAHKOTA
LOT NO : 14687, JALAN SUNGAI LEMBING,
25200 KUANTAN, PAHANG.



Tel : 09-5736304 / 6346

Faks : 09-5736423

Laman Web : www.kpmim.edu.my

No Ruj Kami : KPMIM.600-20 JLD5 ()

Tarikh : 27 Julai 2022

27 Zulhijah 1443h

Semua Ibu Bapa & Pelajar Kanan KPMIM

Dato'/Datin/Tuan/Puan/Saudara/Saudari,

**MAKLUMAN PENDAFTARAN PELAJAR KANAN KOLEJ PROFESIONAL MARA
INDERA MAHKOTA (KPMIM) SESI 2 2022/2023**

Perkara di atas dengan hormatnya adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa semua Pelajar Kanan KPM Indera Mahkota (Semester 2 dan ke atas kecuali pelajar yang menjalani Latihan Industri) perlu mendaftar bagi Sesi 2 2022/2023 Pengambilan Julai mengikut ketetapan berikut.

3. Sila rujuk Rumusan ***Garis Panduan Kemasukan Pelajar KPMIM Sesi 2 2022/2023 Pengambilan Julai (Lampiran A)*** dan ***Rujukan Pelajar - Garis Panduan Proses Pendaftaran Pelajar Kanan KPM Sesi 2 2022/2023 Pengambilan Julai*** yang disertakan untuk rujukan dan tindakan tuan/puan/saudara/saudari selanjutnya.

4. Pihak pengurusan kolej mengucapkan Selamat Maju Jaya kepada semua pelajar dan didoakan para pelajar akan mencapai keputusan yang lebih cemerlang pada Sesi 2 2022/2023 ini.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“LUAR BANDAR SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah,



SUWANDI BIN SANUSI
Pengarah
Kolej Profesional MARA Indera Mahkota

**RUMUSAN GARIS PANDUAN KEMASUKAN PELAJAR KOLEJ PROFESIONAL MARA
INDERA MAHKOTA
SESI 2 2022 2023**

1) YURAN SEMESTER

Pelajar dikehendaki membayar yuran semester sebanyak RM170.00 melalui perkhidmatan bayaran elektronik MARAeps di pautan <https://bayar.maraeps.my/login>

Sistem dibuka : 01 Ogos 2022 (11.00 pagi)
Sistem ditutup: 06 Ogos 2022 (11.59 malam)

2) PENGISIAN e-FORM DAFTAR (LINK AKUAN PENDAFTARAN)

Pelajar dikehendaki mengisi e-Form Daftar dan muat naik resit pembayaran MARAeps samada dalam bentuk PDF atau imej Jpeg di pautan berikut: shorturl.at/NUV69

Sistem dibuka : 01 Ogos 2022 (11.00 pagi)
Sistem ditutup: 06 Ogos 2022 (11.59 malam)

3) YURAN MUAFAKAT

Semua pelajar **Semester 4 (semua program)** juga perlu membayar Yuran Muafakat sebanyak **RM50.00** ke akaun **Muafakat Kolej Profesional MARA Indera Mahkota: CIMB –8005363314**. Sila muatnaik resit bayaran ke pautan berikut: <http://shorturl.at/ack78>

Sistem dibuka : 01 Ogos 2022 (11.00 pagi)
Sistem ditutup: 14 Ogos 2022 (11.59 malam)

4) PENDAFTARAN SUBJEK

Pelajar dikehendaki mendaftar kursus / subjek melalui **Sistem Pendaftaran Kursus Online UPP KPM** di pautan berikut: <https://kpmim.ik-one.biz/mentee/>

Sistem dibuka : 04 Ogos 2022 (02.00 petang)
Sistem ditutup: 05 Ogos 2022 (05.00 petang)

5) PENDAFTARAN SECARA FIZIKAL DI KPMIM

- a. Semua pelajar kanan (*KEQUALI pelajar yang sedang menjalani Latihan Industri*) akan mendaftar secara fizikal di KPMIM seperti ditetapkan berikut:

PROGRAM	MASA PENDAFTARAN
DIA & DEC	09.00 pagi - 11.00 pagi
DCD & DCN	11.00 pagi - 01.00 tengahari

**patuhi arahan DROP-OFF yang telah disediakan*

- b. Pelajar yang berada dalam tempoh menjalani kuarantin (Home Surveillance Order) kerana positif COVID-19 perlu memohon penangguhan daftar secara fizikal di kolej kepada Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar KPMIM dengan menghantar email kepada bielal@mara.gov.my sebelum 06 Ogos 2022.

6) STATUS VAKSINASI PELAJAR

- a. Semua pelajar yang telah lengkap divaksin ATAU belum lengkap divaksin ATAU menolak untuk divaksin dibenarkan kembali dan berada di dalam kolej bagi mengikuti pengajian seperti biasa.

7) KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PDP)

- a. Sesi akademik pada Sesi 2 2022/2023 Pengambilan Julai akan bermula pada 08 Ogos 2022 (Isnin).
- b. Pelaksanaan PdP di KPMIM pada Sesi 2 2022/2023 adalah secara fizikal.
- c. Untuk makluman lanjut, sila rujuk Jadual Waktu Kuliah yang akan diedarkan di laman web KPMIM.